

Titisan Pena

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya diberikan kekuatan dan ketabahan untuk menyiapkan satu naskah ilmu yang memberi ruang dan peluang untuk mereka yang terlibat dalam dunia pembangunan modal insan guru. Buku Bina Insan Guru (Memperkasa Karisma Guru) merupakan satu naskah ilmu yang pertama dihasilkan untuk membantu pemahaman dan penghayatan yang perlu dikuasai oleh semua siswa guru yang bernaung di bawah Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Penulisan ini yang mengandungi 13 bab yang mengupas satu persatu dengan menggunakan bahasa yang mudah akan memberikan pemahaman yang mantap terhadap sesuatu konsep atau perkara amali yang perlu dilaksanakan dalam semua program Bina Insan Guru. Terdapat bahan yang berunsurkan maklumat dan ada bahan yang berunsurkan panduan amali sesuai dengan kurikulum dan maklumat kursus Bina Insan Guru.

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Insaniah, Institut Pendidikan Guru Malaysia yang pernah menjadi ketua jabatan saya dan memberikan banyak ilmu tentang Bina Insan Guru. Di samping itu, saya juga merakamkan penghargaan kepada mantan jurulatih Bina Insan Guru yang hebat dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur yang tidak jemu berkongsi idea dan pengalaman dalam menghasilkan penulisan ini.

Saya berharap buku ini akan bermanfaat bagi siswa guru PISMP, PDPP dan PDPM di institut pendidikan guru yang akan, sedang dan telah menjalani program Bina Insan Guru sebagai sumber rujukan mutakhir dalam memenuhi tuntutan tugas dalam program Bina Insan Guru.


Dr. Amir Hamzah Aman
Pensyarah Cemerlang (Kokurikulum)
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
Lembah Pantai Kuala Lumpur

Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Model Konseptual Pendidikan Guru

Model Konseptual Pendidikan Guru dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan kepentingan tiga aspek asas, iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang seperti gambar rajah di bawah:



Model Konseptual Pendidikan Guru

IPG bukan sekadar melatih siswa guru, namun turut berperanan sebagai sebuah institusi yang melahirkan bakal guru yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Pemupukan kemahiran insaniah amat jelas terutamanya melalui kursus BIG yang dijalankan sekali sepanjang pengajian siswa guru PISMP, PDPP dan PDPM. Antara lain, kemahiran insaniah yang dipupuk melalui kursus BIG ini adalah:

- a. cergas dan patriotik.
- b. akauntabiliti, amanah, kreativiti dan inovatif.
- c. etiket sosial, protokol, kesantunan berbahasa, kemahiran mendengar secara efektif, tertib di meja makan, etika berpakaian.
- d. kemahiran berfikir aras tinggi ketika membuat perancangan dan pengendalian dalam ciri-ciri kepimpinan, pengurusan sekolah, iklim sekolah, infrastruktur dan infostruktur kurikulum di sekolah.
- e. meningkatkan profesionalisme sendiri secara berterusan.

Pemupukan pelbagai kemahiran insaniah melalui kursus BIG di IPG menjadi medium untuk melahirkan bakal guru yang benar-benar komited, cemerlang dan serba boleh apabila berkhidmat sebagai guru kelak.

Matlamat dan Objektif Program BIG

Program Bina Insan Guru (BIG) bermatlamat melahirkan siswa guru yang mempunyai kemantapan akhlak, nilai-nilai kerohanian dan keguruan, daya ketahanan diri yang tinggi serta aura keguruan yang selaras dengan prinsip Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Pembinaan insan guru merupakan usaha berterusan sepanjang program pendidikan keguruan berasaskan kesedaran bahawa profesion keguruan adalah mulia dan guru adalah pembina generasi negara. Program BIG akan bermula dengan perkhemahan yang dilaksanakan pada awal semester pertama. Fokus aktiviti perkhemahan ini adalah untuk memberi peluang kepada siswa guru:

- a. memahami realiti persekitaran dan responsif secara positif kepada keadaan dan keperluan persekitaran yang berbeza.
- b. menggunakan ilmu dan kemahiran dalam pelaksanaan sesuatu tindakan, amalan atau aktiviti.
- c. menghayati ciri-ciri kerohanian, nilai, etika dan akhlak keguruan.
- d. menilai kesesuaian ciri personaliti sendiri dan kerjaya keguruan serta

SEMASA PROGRAM BINA INSAN GURU PPG

Bil	Perkara	Isi Kandungan	Tindakan
1.	Taklimat kepada Peserta Perkhemahan	- Memperkenalkan Jurulatih/Fasilitator Siri BIG kepada Peserta - Pembahagian Tugas kepada Peserta - Keadaan Fizikal - Peralatan - Status Kesihatan - Kuatermaster Makanan - Kuatermaster Peralatan - Kebajikan dan Keselamatan - Jadual Pelaksanaan - Pergerakan Aktiviti - Disiplin Peserta - Peraturan Perkhemahan - Jadual Aktiviti - Pembahagian Nombor Peserta (<i>Numbering</i>)	Siswa Guru
2.	Pelaksanaan Aktiviti	- Arahan tetap yang merangkumi prosedur sebelum aktiviti. - Melaksanakan semua komponen dalam jadual. - Penilaian dan penulisan refleksi.	Ketua Jurulatih/ Jurulatih/ Fasilitator